

KEARTA SEBERGARIAN

OLEH
HAJI MOHD. HUSAIN BIN HAJI ALI

KULLIYAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
1988/89

DECLARATION OF AUTHOR'S RIGHTS

The copyright of this thesis belongs to the author under the terms of the Copyright Act, 1987 (Act 332) Due acknowledgement must always be made of the use of any material contained in, or derived from this thesis.



" H A R T A S E P E N C A R I A N "

O L E H

H A J I M O H D . H U S A I N B I N H A J I A L I

21
BP
158
A186
MS24
1989a

PENDAHULUAN

Kerap berlaku kepada suami isteri yang hidup di kampung yang baru mula menjalankan bahtera hidup, mereka bersama-sama berganding bahu bekerja mencari harta seperti menebang-nebas hutan untuk dijadikan hartanah mereka, mendirikan rumah dan sebagainya.

Bagi suami yang agak senang pergi ke Pejabat Tanah untuk mengurus harta-harta supaya dijadikan hak milik mereka, lalu ketika itu suami membuat harta-harta itu dengan namanya sendiri.

Berlaku perceraian, siisteri tidak ada apa-apa baginya harta-harta tersebut, kerana geran-geran itu kesemuanya dimiliki oleh bekas suaminya. Maka disinilah lahirnya kezaliman dan penginayaan terhadap isteri.

PERUNTUKAN

Hampir seluruh negeri di Malaysia memperuntukkan tentang harta sepencarian ini di dalam enakmen-enakmen undang-undang pentadbiran agama Islam masing-masing.

Mahkamah Kadi diberi kuasa untuk mendengar dan menetapkan tindakan-tindakan dan perbicaraan-perbicaraan yang berkaitan.¹

Di Kelantan dahulunya tuntutan berkenaan dengan harta sepencarian boleh dibuat sebagai perkara biasa di Mahkamah Tinggi, tetapi jika nilai harta yang dituntut itu kurang dari \$500/-, maka Mahkamah Tinggi akan menolak dan diserahkan kepada Mahkamah Kadi atau Mahkamah Kadi Besar.²

Di Perak dahulunya tuntutan harta sepencarian diuruskan oleh Mahkamah atau pemungut hasil tanah, tetapi para Kadi diminta hadir sebagai penasihat-penasihat mengenai masalah-masalah pokok.

Sekarang di Perak telah ada peruntukan khas bahawa seorang wanita atau lelaki yang telah bercerai boleh membuat permohonan kepada Mahkamah Syariah untuk mendapat suatu keputusan terhadap bekas suaminya atau isterinya tentang pembahagian harta sepencarian.³

TUNTUTAN

Tuntutan berkenaan dengan harta sepencarian hendaklah dibuat semasa perceraian. Ini telah diputuskan dalam kes Rahim v. Sintak.⁴

Jadi permohonan ke atas harta carian laki-bini hendaklah dibuat semasa perceraian dan pembahagiannya hendaklah dibuat sebelum selesai perceraian ataupun dikuat kuasakan selepas perceraian.

Oleh itu dalam kes *Jasin v. Tinwan*⁵ tuntutan untuk mendapat harta sepencarian telah tidak berjaya kerana tuntutan itu dibuat setelah sembilan tahun bercerai dengan suaminya.

Satu soalan yang timbul ialah, apakah harta sepencarian ini boleh dituntut selepas kematian sesuatu pihak ?

Dalam kes *Hj. Saemah v. Hj. Sulaiman*⁶ yang berlaku di Pahang, dimana tuntutan dibuat oleh isteri setelah kematian suaminya, pihak peguam cuba membawa keterangan bahawa mengikut adat di Pahang, harta sepencarian dapat dituntut selepas mati jika dibuktikan yang isteri juga turut bekerja.

Dalam kes ini hakim telah menolak dakwaan itu kerana tidak cukup pembuktian tentang adanya adat seperti itu di Pahang.

Dalam kes *Re Elang* yang berlaku di Perak telah diputuskan bahawa tuntutan ke atas harta sepencarian dapat diberikan, walaupun tuntutan itu dibuat setelah kematian suami.⁷

Di Selangor dalam kes *Leton v. Ramah*⁸ hakim perbicaraan memutuskan atas keterangan para Kadi bahawa seorang balu berhak atas setengah dari nilai harta tetap mendiang suami pada saat meninggalnya. Tetapi dalam rayuan, Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa keterangan para Kadi itu tidak boleh diterima dan memerintahkan perbicaraan kembali.

PIHAK YANG BOLEH MENUNTUT

Kerap kali hanya isteri sahaja yang menuntut hak ke atas harta sepencarian, tetapi sebetulnya suami juga berhak berbuat demikian jika harta didaftarkan atas nama isteri.

Ini telah diputuskan dalam kes Roberts & Kamarulzaman v. Ummi Kalthom⁹, bahawa seseorang suami yang telah bercerai boleh menuntut sebahagian dari harta tak alik yang diperolehi bersama oleh pasangan suami isteri semasa perkahwinan.

Dalam kes ini walaupun tanah yang dipersoalkan itu didaftarkan atas nama isteri tetapi pendaftaran itu tidaklah menghalang suami dari memperolehi haknya.

Suatu harta yang telah diperolehi oleh mana-mana pihak dari suami isteri sebelum mereka berkahwin (harta bawaan), tetapi kemudiannya kedua-dua pasangan suami isteri itu telah mengerjakan harta itu seperti mereka sama-sama bercucuk tanam di atas tanah suami atau isteri, maka harta itu tetap tidak dikira sebagai harta sepencarian tetapi mana-mana pihak boleh menuntut upah.¹⁰ Sekiranya isteri memiliki harta sebelum daripada perkahwinan, iaitu melalui warisan umpamanya, kemudian ia berkahwin, dan si suami tidak mempunyai apa-apa pendapatan tetap hanya mengusahakan tanah itu bersama-sama

isterinya lalu dengan hasilnya mereka dapat membeli beberapa bidang tanah atau harta lain, maka harta yang baharu dibeli itu adalah harta sepencarian.¹¹

KADAR YANG DIPERUNTUKAN

Sesungguhnya kebanyakan negeri mengadakan peruntukan, tetapi kadar yang diiktiraf adalah berbeza-beza. Umpamanya

Di Serawak	1/3	¹²
Di Terengganu	1/2	¹³
Di Kedah	1/2	¹⁴
Di Selangor	1/2	¹⁵

Di Pahang serta di Perlis terpulang kepada Kadi untuk memutuskan mengikut apa yang dianggap patut.¹⁶

Di Perak menurut Majlis Kerajaan Perak bertarikh 18hb. Januari 1907, Majlis mengisytihar dan mencatatkan: "Bahawa adat orang-orang Melayu di Perak dalam hal pembahagian harta sesudah perceraian, dimana harta itu diperolehi oleh pihak-pihak atau oleh salah seorang dari mereka selama perkahwinan adalah dua bahagian bagi lelaki dan satu bahagian bagi perempuan dan

pemberian-pemberian antara mereka tidak dapat dibatalkan baik selama perkahwinan mahupun sesudah cerai.¹⁷

Dalam kes Re Elang, Re Kulup Degor dan Lebar v. Niat, hakim E.N. Taylor berkata, "Di kampung-kampung di Sungai Perak, harta yang diperolehi dalam masa perkahwinan adalah dibahagikan antara pihak-pihak semasa perceraian atau ketika kematian mana-mana pihak.

Jika perempuan turut serta bercucuk tanam dia boleh menerima 1/2 dari harta dan jika tidak ia menerima bahagian yang lebih kecil.¹⁸

Dalam kes Wan Mehatan v. Hj. Abdul Samad,¹⁹ Kadi turut memutuskan bahawa seorang isteri yang hanya menguruskan rumah tangga sedang suaminya seorang yang makan gaji maka harta yang diperolehi oleh suami selama perkahwinan tidak masuk harta perkongsian tetapi adalah layak kepunyaan suami sahaja.

Walau bagaimanapun dalam perkara Re Elang di atas, jika suami makan gaji dan isteri menguruskan rumah tangga sahaja, maka isteri mendapat 1/3 bahagian.

PENGENALAN HARTA SEPENCARIAN

Harta sepencarian ialah harta yang diperolehi dalam masa perkahwinan seorang suami dengan isterinya. Hasil dari sumber-sumber atau dari usaha mereka bersama.²⁰

Nama-nama lain yang digunakan untuk maksud yang sama ialah:-

Carian laki bini²¹

Pencarian²²

Pencurian²³

Gono-gina²⁴

Hareuta sihareukat²⁵

Harta Euareng²⁶

Guna-kaya²⁷

Druwe Bagro²⁸

Barang-barang perpantangan²⁹

Di Malaysia adakalanya harta syarikat juga dikira sama dengan harta sepencarian.³⁰

Jika ditinjau dari sudut Islam, nampaknya ia tidak mempunyai peruntukan yang khas tentang perkara sepencarian ini. Tidak terdapat perbincangan tentang perkara ini secara jelas didalam buku fikah.

Dakwaan yang mengatakan bahawa harta sepencarian memang diperuntukan oleh mazhab Shafie mungkin terkeliru dengan peruntukan "Musla".³¹

Kadi-Kadi yang mengadili kes-kes berkenaan dengan tuntutan harta ini mahupun Kadi-Kadi yang dipanggil untuk memberi keterangan berkenaan dengan perkara ini, dalam banyak kes yang diputuskan di Malaysia, nampaknya tidak berjaya menunjukkan bahawa harta sepencarian itu adalah peruntukan yang dibuat oleh undang-undang Islam.

Oleh hal yang demikian jelaslah peruntukan berkenaan dengan ini hanya diberi oleh adat Melayu dan soal yang timbul ialah apakah adat seperti ini dapat diakui oleh Islam atau tidak ?

Jawapan kepada soalan ini tidaklah mudah walaupun Islam mengiktirafkan bahawa adat adalah menjadi salah satu dari sumber perundangannya.³²

Nampaknya soalan ini memerlukan suatu keputusan oleh para alim ulamak di rantau ini atau sekurang-kurangnya oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia yang dibuat setelah dikaji secara mendalam.

Saya percaya bahawa hukum berkenaan dengan ini boleh diputuskan setelah dipertimbangkan beberapa unsur yang antaranya ialah

kedudukan isteri yang bekerja di dalam dan di luar rumah serta hak-hak yang diperolehi oleh isteri-isteri dalam masa perkahwinan.

Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah ada memberi pendapat bahawa harta sepencarian hendaklah dibahagikan mengikut kadar yang berdasarkan kepada upah kerja yang munasabah menurut kelaziman sesuatu kerja atau usaha.

Pendapat Jawatankuasa didasarkan kepada nas dalam "Kitab Qurratul 'Ain berfatwa ulamak Al-Haramin", halaman 366 - 367. Nas jawapan kepada suatu soalan harta sepencarian yang terdapat dalam kitab tersebut berbunyi maksudnya. "Dalam kitab I'anah yang ditulis oleh Shaikh kami: Dua orang bersyarikat telah bertujuan membahagikan pendapat dari usaha tenaga kedua mereka, sama ada kerja kedua-duanya sama seperti kedua-duanya adalah tukang jahit atau kerja kedua-duanya berbeza seperti seorang tukang jahit dan seorang lagi tukang sulam adalah dinamakan "Sharikatul Abdan". Sharikat adalah batil (tidak sah) kerana tidak ada harta.

Jadi siapa yang berusaha sendirian maka keuntungan adalah kembali kepadanya diantara keduanya menurut upah yang munasabah mengikut kerja. Ia diharuskan secara mutlak oleh Imam Abu Hanifah.

Manakala Imam Malik dan Ahmad mensyaratkan persamaan kerja.

Jadi jelaslah hasil yang diperolehi dari usaha suami isteri yang tidak boleh dibeza-bezakan adalah dibahagikan diantara keduanya menurut upah yang munasabah dengan kerja.

Kemudian waris-waris ~~simati~~ dari keduanya mengambil bahagian yang diperolehi oleh mereka untuk mereka membahagikan menurut peruntukan undang-undang pusaka syarak bahagian fardhu atau 'asabah'.

Dengan berdasarkan kepada nas ini, maka jawatankuasa Fatwa mengambil keputusan. Mengsyorkan kepada Majlis Agama supaya mengadakan peruntukan bagi undang-undang Pentadbiran Agama Islam yang memberi hak kepada isteri atau warisnya, jika suami ingkar daripada memberi haknya yang adil di atas harta sepencarian itu, membuat tuntutan di hadapan mana-mana Mahkamah Kadi dan Kadi dengan budi-bicara dan timbang tiliknya boleh menithhatkan hak isteri daripada harta sepencarian itu dan menuntut kadar yang patut dan yang berhak baginya atau warisnya memperolehinya, jika ia telah mati dengan berdasarkan kepada upah kerja yang munasabah menurut lazimnya bagi sesuatu kerja atau usaha.

Oleh kerana muamalah suami isteri bagi menghasilkan harta sepencarian itu termasuk di bawah muamalah syarikatul abdan adalah tiada sah dalam mazhab Shafie dan sah di dalam mazhab Hanafi dengan tiada menghiraukan jenis pekerjaan sama ada sama

atau berlainan dan sah juga di dalam mazhab-mazhab Maliki dan Hambali dengan syarat sama jenis pekerjaan.

Maka jawatankuasa Fatwa yang memberi pendapat seperti:-

1. di atas adalah dengan merujuk kepada mazhab Hanafi. Maka tertakluk kepada Seksyen 38(1) undang-undang Pentadbiran Agama Islam No. 9/1962 yang mana hanya mazhab Shafie yang menjadi pegangan dan amalan dan dikuatkuasakan oleh undang-undang tersebut kecuali jika dengan mengikut qaul di dalam mazhab Shafie akan menjadi berlawanan dengan muslihat orang ramai, pada ketika itu bolehlah Majlis atau Jawatankuasa Fatwa bersetuju mengesyorkan kepada Majlis supaya pohon keizinan ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan untuk perkenankan baginda bagi diamalkan menurut qaul Mazhab Hanafi yang meluluskan syarikatul abdan tanpa syarat persamaan di dalam jenis pekerjaan yang mana mencari harta sepencarian ini adalah termasuk di bawah syarikatul abdan.

Di dalam kes Anita binti Abdullah v. Zainuddin bin Hj. Ariffin.³³
Jemaah ulang bicara Mahkamah Wilayah Persekutuan memutuskan bahawa masalah harta sepencarian dalam kes itu hendaklah diselesaikan mengikut hukum syarak seperti berikut:-

Suami isteri berusaha bersama dengan tiada modal yang ditentukan, jikalau menjadi perbalahan di atas usaha mereka itu maka hukumnya:-

1. Jika ada keterangan yang cukup tentang usaha pihak menuntut, maka hasil usaha itu terpulang kepadanya. (Tuhfah, Hashiak al-Shakwani dan Ibn Kasim al-Ubbadi, juzuk 1 halaman 326).
2. Jika tiada keterangan yang cukup di atas usaha masing-masing dihukumkan bersumpah kesemuanya, apabila bersumpah semuanya dibahagikan usaha itu sama banyak, jika salah seorang enggan, maka hukum bersumpah itu dipertanggung jawabkan ke atas waris si mati itu, sekiranya waris itu menuntut (Bughyatul Mustarshidin. Halaman 123).
3. Jika berlaku adat kebiasaan bahawa salah seorang daripada suami isteri itu berusaha lebih dari yang lain, maka persetujuan pembahagian hendaklah mengikut adat kebiasaan itu, jika tidak didapati, maka pembahagiannya adalah seperti di atas (Bughyatul Mustarshidin).

CARA PEMBAHAGIAN DALAM KITAB-KITAB FIQAH

Kitab "al-Umm" dan kitab "Bughyatul al Mustarshidin", iaitu dua buah kitab yang selalu dirujuk dalam bab ini, adalah khususnya

mengenai cara pembahagian harta suami isteri yang bercampur; yang dikenali juga dengan harta "Musha".

Soalannya ialah apakah harta sepencarian itu bermaksud serupa dengan harta (Musha) ? Saya memahami harta musha sebagai harta suami isteri yang sudah bercampur dalam masa mereka mendirikan rumah tangga, sehingga masing-masing tidak boleh menentukan yang mana haknya ketika berlaku perpisahan.

Ini mungkin tidak menepati sepenuhnya dengan maksud harta sepencarian iaitu harta yang diperolehi dalam masa perkahwinan seorang suami dan isteri, hasil dari sumber-sumber atau dari usaha mereka bersama.

Nas tentang harta musha dari kitab-kitab yang disebut di atas:-

1. Bughyatul Mustarshidin. Halaman 159

Telah bercampur harta suami isteri dan tidak diketahui harta siapa yang lebih banyak. Tidak ada tanda-tanda yang dapat membezakan harta salah seorangnya.

Kemudian berlaku perpisahan antara keduanya ataupun mati, maka tidak sah salah seorang dari mereka (suami isteri) atau

warisnya memerintah (mengguna) sesuatu daripada harta itu sebelum dapat dibezakan ataupun sebelum dibuat perdamaian (al-Sulk), kecuali bersama-sama dengan pemiliknya sebab tiada murajjik (tiada ada tanda yang membezakan), seperti mereka berkata (masalah ini sama seperti) jika bercampur barang mendapati keduanya (suami isteri) diketika itu (boleh digunakan) jika boleh diketahui/dibezakan keduanya.

Tetapi jika tidak diketahui (tidak dapat dibezakan), perkara ini hendaklah ditangguhkan sehingga suami isteri atau waris keduanya berdamai dengan melafazkan kalimah perdamaian ataupun menyerah (hibbah) dengan sama banyak atau berlebih kurang jika mereka itu (suami isteri) orang-orang yang sempurna (bukan mahjar alaihi) dan wajib supaya jangan terkurang pembahagiannya daripada $42 \frac{1}{2}$ bagi orang-orang yang mahjur (orang yang tidak dibenarkan mentadbir harta).

Tetapi jika berlaku kebiasaan yang tetap bahawa salah seorang dari keduanya (suami isteri) mendapat pendapatan yang lebih banyak dari seorang yang lain, maka perdamaian dan penyerahan adalah berdasarkan demikian (lebih kurang).

Jika mereka tidak menyetujui suatupun daripada yang demikian, maka pihak yang memiliki sesuatu dari harta (memegang harta) akan didengar cakupnya, melalui sumpahnya bahawa harta itu miliknya.

Tetapi jika harta itu dimiliki oleh kedua-duanya maka masing-masing boleh meminta pihak yang lain bersumpah kemudian harta itu dibahagi dua.

2. "Al-Umm", terjemahan nas halaman 95, 96

Diceritakan kepada kami oleh al-Rabi'a bin Sulaiman katanya: Shafie (r.a) berkata: "apabila bertelingkah seorang lelaki dengan seorang perempuan (suami isteri) tentang perkakas rumah (nuta' al-bait) yang kedua-duanya menduduki rumah itu, mereka berpisah atau salah seorang mati, maka menimbulkan pertelingkahan pula antara waris-waris keduanya atau waris-waris salah seorangnya setelah ia meninggal dunia. Maka demikian itu semuanya adalah serupa (semua keadaan ini serupa).

Bagi perkakas-perkakas rumah, apabila kedua-duanya sama-sama menduduki sesebuah rumah yang menjadi milik mereka, ataupun perkakas berada dalam pegangan dua orang lelaki, maka kedua-duanya bersumpah bagi pihak pemiliknya (menyokong) atas dakwaan pemilik.

Jika kedua-duanya bersumpah maka perkakas-perkakas itu dibahagi dua antara mereka, sebab pihak lelaki kadangkala memiliki perkakas-perkakas perempuan dengan cara membeli, mewaris dan

sebagainya. Begitu juga perempuan kadangkala memiliki perkakas lelaki dengan cara membeli, mewarisi dan seumpamanya.

Apabila keadaan ini mungkin, sedangkan perkakas di bawah milik keduanya (dalam pegangan keduanya) maka tidak harus dihukum padanya kecuali dengan hukum ini, sebab benda itu di dalam pegangan keduanya.

Sesungguhnya Ali b. Abi Talib telah memberi (menghalal) kepada Fatimah r.a. baju besi dan ini adalah daripada perkakas lelaki, sesungguhnya Fatimah r.a. ketika itu adalah memiliki baju itu dan bukan Ali memilikinya.

Sesungguhnya saya (Shafei) melihat seorang perempuan antara saya dengannya pedang besi yang didapatinya daripada pusaka bapanya, harta yang banyak, baju besi dan al-Qur'an.

Perempuan ini mewarisi benda-benda itu dan bukan saudara lelakinya. Dan saya (Shafie) melihat seorang mewarisi emak dan saudara perempuannya kedua-duanya mahu menjual perkakas kedua-duanya, selepas mati, maka dia mewarisi perkakas perempuan.

Apabila keadaan ini ada, maka tidak harus padanya cara hukum selain daripada yang saya sebutkan. Jika kita menghukum

dengan berat sangka dengan kadar apa yang dilihat kepada lelaki dan perempuan yang memiliki kemudian kita dapati satu perkakas berada dalam tangan dua orang lelaki yang masing-masing mendakwa haknya, sedang perkakas itu terdiri daripada permata, mutiara dan perkakas (alat solek) yang paling tinggi nilainya dan salah seorang lelaki tadi pada kebiasaannya memiliki benda-benda itu, sedang yang seorang lagi pada ghalibnya tidak memiliki demikian, maka kita hukumkan perkakas yang paling tinggi harganya kepada yang kaya, kerana pada zahirnya dia lebih utama memiliki benda-benda itu, dan kita hukumkan benda-benda itu yang nilai rendah. Jika berada di dalam tangan orang kaya dan orang susah bukan untuk orang kaya.

Kami tidak menyetujui apa yang di persetujui oleh manusia (ijma') selain daripada ini, iaitu rumah apabila di bawah milik dua orang lelaki masing-masing mendakwa sebagai haknya. Maka dibahagi dua tanpa diperhatikan apa yang lebih munasabah yang menunjukkan bahawa rumah itu milik salah seorangnya, kemudian kita berikan kepadanya. Ini adalah ijmak dan diharap sebagai adil.

Kemudian juga perlu perkakas rumah dan lainnya yang berada di bawah milik dua orang, maka tidak ada perbezaan hukumnya

bahawasanya tidak harus bercanggah dengan qias al-asal, kecuali dibezakan oleh Sunnah dan ijmak.

Ditanya kepada mereka yang berkata adakah patut diberikan perkakas perempuan kepada orang perempuan dan perkakas orang lelaki kepada orang lelaki.

Adakah engkau lihat penjual kulit dan penjual minyak wangi kedua-duanya di dalam sebuah kedai yang dalamnya terdapat minyak wangi dan kulit binatang, setiap orang daripada keduanya mendakwa hak ke atas minyak wangi dan kulit, adakah kamu akan memberi kepada penjual minyak wangi dan penjual kulit-kulit binatang? Jika engkau kata saya bahagikan kedua-duanya (minyak wangi dan kulit) antara keduanya akan dikatakan kepada kamu, kenapa tidak dibahagikan perkakas rumah yang lebih munasabah kepada perempuan antara lelaki dan perempuan dan perkakas yang lebih munasabah kepada lelaki antara lelaki dan perempuan sama seperti penjual minyak wangi dan penjual kulit.

Satu perkara yang menarik ialah rekod yang dicatatkan oleh hakim yang membicarakan dalam *Rahmah v. Laton* yang dipetik dari minit K.K.D 28/22 bertarikh 2hb Jun 1922, mencatatkan soalan tentang bagaimana harta sepencarian ditentukan dan mengikut undang-undang mana?

Mengikuti catitan minit: "Para ulamak berpendapat, mengikut undang-undang seorang isteri berhak menuntut bahagian atas usaha yang dilaksanakan olehnya dalam masa perkahwinan, bukan sahaja dalam menolong suaminya diluar rumah dan kerja rumah, akan tetapi juga dalam memberi susu kepada anak-anak yang lahir dari perkahwinan itu jika ada.

Mungkin adalah menjadi kesukaran bagi seorang perempuan yang diceraiakan untuk memberi butir-butir tuntutan walaupun masa perkahwinan itu singkat, katakan dua tahun. Tetapi kesukaran itu diatasi dengan undang-undang Islam yang menyebut bahawa raja mempunyai budi bicara untuk mengenakan undang-undang yang tertentu. Dengan sebab ini dan untuk menyelesaikan masalah serta perbelanjaan dalam perbicaraan tuntutan yang dibuat oleh perempuan tersebut, adat sepencarian dibenarkan oleh undang-undang Islam sebaik sahaja dikuatkuasakan oleh Raja bagi sesebuah negeri.³⁴

Amalan yang dinyatakan oleh rekod ini nampaknya tidak mengaitkan harta sepencarian dengan syarikat, tetapi sebaliknya menganggapkan sebagai mua'malah upah yang berkuatkuasa melalui siasah shariyyah.

Ini dengan sendirinya merupakan suatu pengiktirafan ke atas adat harta sepencarian. Baik cara ini ataupun cara pendekatan

Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah, kesan yang diperolehi adalah serupa iaitu pembahagian harta tersebut didasarkan kepada nisbah kerja.

Jika hendak dibandingkan diantara dua pendekatan di atas (iaitu pendekatan syrikatul abdan dan muamalah) upah pada yang dikuatkuasakan dengan kuasa siyasah al-Shariyah itu lebih tepat.

Cara pendekatan muamalah upah mempunyai kelebihan sendiri. Antaranya ialah ia mengiktiraf pekerjaan yang dibuat oleh isteri itu patut diberi upah. Ini adalah sesuai dengan ketentuan-ketentuan yang dibuat oleh kitab-kitab Fekah. Seterusnya pendekatan ini dapat mengelakkan keraguan yang sudah lama timbul iaitu apakah suami isteri apabila berkahwin membentuk satu perkongsian tenaga sehingga harta perolehan mereka dalam masa perkahwinan tersebut boleh dianggap sebagai harta syarikat, sedangkan mereka tidak mengadakan apa-apa akad tulisan ataupun lisan.

Bincangan apakah harta sepencarian itu boleh dikira sebagai harta syarikat atau tidak ?

Adat harta sepencarian mungkin mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan peruntukan harta syarikat di dalam undang-

undang Islam. Walau bagaimanapun adat harta sepencarian ini sekali-kali tidak dapat diakui oleh mazhab Shafie, sebab mazhab Shafie langsung tidak menerima bentuk syarikat selain daripada syarikat "al-inan" iaitu akad untuk bersyarikat yang dibuat oleh dua orang atau lebih dalam bentuk harta untuk mereka berniaga dan keuntungan akan didasarkan menurut nisbah kadar harta masing-masing.

Shafie menghalalkan syarikat ini sahaja kerana dia memandangkan bahawa "percampuran harta" adalah penting. Sedang dalam bentuk syarikat yang lain unsur ini tidak wujud.

Ada kemungkinan bahawa adat harta sepencarian ini mempunyai persamaan dengan bentuk syarikatul milik³⁴ yang dibenarkan oleh mazhab Hanafi, kerana syarikat ini tidak memerlukan "akad", dan hanya memadai dengan pemilikan dua orang atau lebih ke atas sesuatu harta.

Oleh kerana syarikat ini terbahagi kepada dua bentuk iaitu "ijab" seperti percampuran harta yang diperolehi daripada pusaka dan bentuk yang satu lagi ialah "ihtiar" seperti mereka sukarela mencampurkan kedua-dua harta mereka, maka harta sepencarian mungkin lebih hampir kepada jenis yang kedua ini.